

19 MAR 1996

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat UMNO Kelantan

LANGKAWI, 19 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempengerusikan sesi sumbang saran selama dua jam bagi pemimpin UMNO Kelantan daripada semua peringkat di sini hari ini.

Sesi yang bermula pukul 8.30 pagi itu membincangkan antara lain cara-cara untuk memperkuatkan UMNO negeri itu.

Di samping Dr Mahathir yang juga Ketua Perhubungan UMNO Kelantan, yang turut hadir ialah Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa yang juga Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Kelantan dan anggota Parlimen Jeli, Datuk Mustapa Mohamed. -- BERNAMA

ZAA NMO